

<input checked="" type="checkbox"/> Berita Harian
<input type="checkbox"/> Berita Minggu
Tarikh: 12/4/2011
Hari: SELASA M/S: 42
Ruangan: SUKAN

Golf ketua setiausaha tawar RM16,000

Oleh Sukhairi Abd Thani
sukhairi@bharian.com.my

DALAM kehangatan Kejohanan Terbuka Malaysia bermula Khamis ini, peminat sukan golf tanah air juga bakal dimeriahkan lagi dengan Kejohanan Golf Piala Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi yang menawarkan hadiah keseluruhan RM16,000, Sabtu dan Ahad ini.

Disertai lebih 60 peserta membabitkan mahasiswa dan mahasiswi Institusi Pengajian Tinggi (IPT) termasuk Institusi Pengajian Tinggi Awam, Swasta, Politeknik dan Kolej Komuniti, kejohanan itu dijadual menjadikan Kelab Golf Perangsang, Templer Rawang sebagai medan pertarungan mereka.

Setiausaha Bahagian Sukan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Dr Saharudin Ismail, berkata kejohanan itu bertujuan memartabatkan lagi sukan golf tempatan menerusi Pusat Kecemerlangan Sukan Golf di bawah penyeliaan Pusat Sukan Universiti Utara Malaysia (UUM)

yang dirasmikan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Februari lalu.

"Kita mahu mencungkil bakat pemain golf di IPT dan kita tidak boleh lagi beranggapan bahawa golf itu adalah untuk golongan berpendapatan tinggi. Dengan ini (kejohanan) diharapkan IPT dapat melahirkan pemain golf yang boleh mewakili IPT mahupun negara," katanya pada sidang media di Wisma Majlis Olimpik Malaysia (MOM), semalam.

“Kita mahu mencungkil bakat pemain golf di IPT dan kita tidak boleh lagi beranggapan bahawa golf itu adalah untuk golongan berpendapatan tinggi.”

Dr Saharudin Ismail
Setiausaha Bahagian Sukan KPT